



LAWATAN KERJA YB MENTERI KPKT KE TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SEMELING, SUNGAI PETANI, KEDAH

Pada 30 September 2019, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluangkan masa melawat tapak pelupusan sisa pepejal semeling di Sungai Petani, Kedah yang turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Industri Pelaburan Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Tan Kok Yew.



Kerajaan menegaskan akan merobohkan kilang kitar semula di sekitar daerah ini sekiranya terus beroperasi secara haram selepas disita Kerajaan Negeri. Menurut YB Hajah Zuraida Kamaruddin iaitu Kerajaan telah mengeluarkan arahan supaya kilang haram perlu ditutup dan diberi tempoh

untuk menyelesaikan sampah mereka. Sekiranya arahan ini diabaikan pihak Kerajaan akan merobohkan kilang tersebut. Justeru itu, kerajaan sedang mempertimbangkan menaikkan jumlah denda dari RM 2,000 kepada RM 50,000 ke atas pihak industri yang melanggar undang-undang yang ditetapkan.

Sementara itu, Tan Kok Yew berkata, sejak April yang lalu, 17 kilang plastik kitar semula telah dikenal pasti beroperasi tanpa permohonan. Sebanyak enam (6) kilang sudah ditutup, empat (4) dalam proses ditutup manakala tujuh (7) kilang lagi masih di bawah susulan untuk menutup kilang terbabit. Walaubagaimanapun, terdapat sedikit kekangan dalam mengambil tindakan terhadap kilang-kilang tersebut kerana mereka berada di bawah undang-undang agensi yang berlainan. Malahan, Kerajaan telah meminta bantuan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) membantu menghentikan kemasukan bahan kitar semula dari pelabuhan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat